

08/12/1997

Masa depan industri angkasa cerah

MASA depan industri aeroangkasa Malaysia amat cerah berdasarkan kemampuan negara membangunkan industri itu selama ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keyakinan syarikat asing ketara menerusi pelbagai perjanjian dan memorandum persefahaman di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima '97) kali ini, turut memberi harapan positif.

Sehingga kini Malaysia berjaya mengeluarkan dua jenis pesawat ringan walaupun industri aeroangkasa hanya bermula enam tahun lalu dengan penganjuran Lima yang pertama.

"Jika kita melihat ketika Lima '91, ternyata kita tidak memiliki pesawat buatan sendiri atau industri aeroangkasa. Hari ini kita bukan saja mengeluarkan pesawat tetapi juga banyak komponen kapal terbang.

"Saya rasa pameran udara ini benar-benar membantu kejayaan industri aeroangkasa di Malaysia," katanya dalam sidang akhbar sempena penutup Lima 97 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, banyak syarikat asing amat berminat bekerja- sama dengan syarikat tempatan dalam pelbagai bidang berkaitan industri penerbangan kerana yakin dengan kemampuan negara.

Menerusi kerjasama itu, katanya, dua pesawat keluaran tempatan berjaya dihasilkan dengan sebuah lagi pesawat baru tidak lama lagi, hasil kerjasama syarikat Lancair.

Dua hari lalu, Perdana Menteri melancarkan Kertas Dasar Pembangunan Industri Angkasa Malaysia yang bertujuan memantapkan pertumbuhan industri berkenaan secara proaktif.

Antara lain kertas itu mencadangkan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA), selain melaksanakan rombakan terhadap struktur Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

(END)